

Kepimpinan Instruksional Pemimpin Sekolah: Cabaran dan Strategi (*School Leaders' Instructional Leadership: Challenges and Strategies*)

Nurul Shuhada binti Romeli^{1*}, Bity Salwana binti Alias²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 46300 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: P135138@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 46300 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: bity@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nurul Shuhada binti Romeli
(P135138@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pemimpin sekolah
Kepimpinan instruksional
Cabaran
Strategi

KEYWORDS:

School leaders
Instructional leadership
Challenges
Strategies

CITATION:

Nurul Shuhada Romeli, & Bity Salwana Alias.
(2025). Kepimpinan Instruksional
Pemimpin Sekolah: Cabaran dan Strategi.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 10(4), e003134.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i4.3134>

ABSTRAK

Walaupun amalan kepimpinan instruksional adalah amalan yang baik untuk mempengaruhi guru melaksanakan amalan pengajaran yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran berkesan oleh murid, namun kajian terdahulu menunjukkan masih terdapat pemimpin sekolah yang mengamalkannya pada tahap yang rendah. Justeru kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan cabaran pemimpin dalam mengamalkan kepimpinan instruksional dan strategi yang digunakan bagi menangani cabaran tersebut. Metod yang digunakan merupakan melalui pengumpulan literatur (data sekunder) berdasarkan pelbagai sumber ilmiah. Kertas konsep ini adalah berdasarkan analisis dan sintesis dapatan kajian terdahulu. Analisis dapatan kajian terdahulu menunjukkan antara cabaran yang dihadapi adalah bebanan yang dihadapi oleh guru, murid kurang berdisiplin dalam pembelajaran, latar belakang akademik murid yang rendah, sokongan ibu bapa yang rendah untuk pembelajaran, serta masalah yang berkaitan dengan infrastruktur. Manakala antara strategi yang digunakan untuk menangani cabaran ialah melaksanakan latihan pembangunan profesional untuk guru, meningkatkan disiplin murid dalam pembelajaran melalui pendekatan pengajaran berpusatkan murid, menggalakkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam program akademik sekolah dan meningkatkan kualiti infrastuktur yang ada di sekolah. Kesimpulannya, strategi yang berkesan bagi menangani cabaran adalah perlu bagi pemimpin instruksional memastikan amalan pengajaran guru dan pembelajaran yang cemerlang.

ABSTRACT

Although instructional leadership practices are good practices to influence teachers to implement quality teaching practices and promote effective learning by students, previous studies have shown that there are still school leaders who practice it at a low level. Therefore, this

concept paper aims to discuss the challenges of leaders in practicing instructional leadership and the strategies used to address these challenges. This concept paper is based on the analysis and synthesis of previous research findings. Analysis of previous research findings shows that among the challenges faced are the burden faced by teachers, students who lack discipline in learning, students' low academic background, low parental support for learning, and problems related to infrastructure. Meanwhile, among the strategies used to address the challenges are implementing professional development training for teachers, improving student discipline in learning through a student-centered teaching approach, encouraging parental and community involvement in school academic programs, and improving the quality of infrastructure in schools. In conclusion, effective strategies to address challenges are necessary for instructional leaders to ensure excellent teacher teaching and learning practices.

Sumbangan/Keaslian: Kertas konsep ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menjelaskan tentang cabaran yang dihadapi oleh pemimpin dalam kepimpinan instruksional dan strategi yang perlu digunakan dalam menangani cabaran tersebut.

1. Pengenalan

Kepimpinan instruksional memainkan peranan yang signifikan bagi memastikan guru menjalankan tugas pengajaran dengan baik serta memastikan pembelajaran yang berkesan oleh murid yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik yang berkesan. Kepimpinan instruksional merupakan usaha pemimpin sekolah dalam meningkatkan dan memperbaiki proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) melalui penglibatan ibu bapa, guru, murid, pengurusan sekolah, perancang sekolah, kemudahan sumber, dan budaya di sekolah (Hallinger & Murphy, 1985). Tanpa kepimpinan instruksional yang baik, masalah berkaitan kualiti pengajaran akan berlaku dan pembelajaran akan berlaku, sebagaimana laporan yang menyatakan kira-kira 617 juta atau 56% daripada remaja serta kanak-kanak menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca dan matematik yang minimum (UNESCO, 2019) disebabkan isu dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Dalam membincangkan tentang kepimpinan instruksional, Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985) sering kali menjadi rujukan yang utama. Model ini menekankan kepimpinan instruksional sebagai elemen penting dalam memperbaiki proses pengajaran serta pembelajaran dalam bilik darjah. Hallinger dan Murphy (1985) mengembangkan model ini untuk meningkatkan pemahaman tentang peranan pemimpin sekolah dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan pencapaian murid. Dengan merujuk kepada dimensi-dimensi utama kepimpinan instruksional, model ini memberikan panduan kepada pemimpin sekolah dalam melaksanakan tugas mereka. Tiga domain utama dalam model ini, iaitu mendefinisikan misi sekolah, mengurus program instruksional, dan membentuk iklim sekolah yang positif, adalah aspek yang saling berkait dan penting dalam mencapai keberkesanan kepimpinan di sekolah (Hallinger & Murphy, 1985).

Dalam konteks ini, kepemimpinan instruksional juga dianggap elemen penting yang memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pencapaian murid. Penekanan utama dalam kepemimpinan instruksional ialah bagaimana keputusan serta tindakan diambil oleh pemimpin sekolah dapat mempengaruhi hasil pembelajaran dan pembangunan murid secara keseluruhan. [Aidawati \(2021\)](#) menyatakan bahawa idea tentang cara kepemimpinan dan perkara yang dilakukan seorang pemimpin yang dilakukan secara langsung memberi kesan kepada pencapaian murid adalah merupakan amalan kepemimpinan instruksional.

Kepimpinan instruksional menekankan peranan pemimpin sekolah sebagai pemimpin pendidikan yang memberikan tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Amalan kepemimpinan instruksional yang efektif dari pemimpin sekolah mempengaruhi sikap dan juga prestasi guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka secara berdedikasi serta komitmen terhadap pembelajaran murid di sekolah. Hasil kajian yang dijalankan di Lahore, Pakistan mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara amalan kepemimpinan instruksional pemimpin sekolah serta komitmen guru bagi sekolah menengah di sana ([Latif & Habib, 2021](#)). Dapatan kajian di Malaysia turut mendapati kepemimpinan instruksional memainkan peranan penting dalam memacu keberkesanan sistem pendidikan, khususnya dalam meningkatkan potensi dan kualiti pengajaran guru. Dedikasi guru, kualiti pengajaran, dan kebolehan guru di Malaysia dapat ditingkatkan oleh amalan kepemimpinan instruksional pemimpin sekolah ([Awangku Amin & Mohd Hamzah, 2021](#)).

Pemimpin sekolah yang mengamalkan kepemimpinan instruksional memberikan sumbangan yang signifikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berusaha untuk melonjakkan lagi kualiti pendidikan serta mencapai matlamat dasar pendidikan nasional. Amalan kepemimpinan instruksional dalam kalangan pemimpin sekolah dapat memastikan kurikulum yang berkualiti dan pendekatan pengajaran yang efektif diterapkan di sekolah, seterusnya dapat melonjakkan prestasi akademik sekolah. Kepimpinan instruksional dikenal pasti mempengaruhi kualiti akademik murid, keupayaan guru dalam pengajaran, dan prestasi keseluruhan sekolah seperti yang terkandung dalam pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)).

PPPM 2013-2025 memberikan panduan yang jelas tentang pentingnya peningkatan kepemimpinan pendidikan. Pemimpin sekolah perlu memastikan bahawa matlamat-matlamat dasar ini diaplikasikan dalam setiap aspek pengurusan sekolah. Dalam konteks cabaran dan peluang semasa dalam pendidikan, pemimpin sekolah mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan bahawa sekolah mereka berada di landasan yang betul menuju kecemerlangan. Dengan menguruskan sumber dengan bijak, memberikan sokongan yang berkesan kepada staf dan murid, serta mengaplikasikan strategi yang efektif untuk meningkatkan prestasi akademik, pemimpin sekolah dapat memainkan peranan yang berpengaruh dalam mencapai kejayaan dan kesejahteraan murid dan komuniti sekolah mereka.

Pemimpin sekolah yang mengamalkan kepemimpinan instruksional boleh melonjakkan kualiti pendidikan, serta mewujudkan persekitaran sekolah yang positif dan produktif. Menurut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) ([Muniandy & Nor, 2024](#)), pemimpin sekolah sebagai pemimpin instruksional memainkan peranan penting dalam memimpin pelaksanaan kurikulum serta memastikan suasana pembelajaran yang kondusif diwujudkan bagi menggalakkan budaya belajar dalam

kalangan murid ([Samsuri & Safii, 2023](#)). Ini bermaksud amalan kepimpinan instruksional adalah satu langkah yang sangat utama dalam melonjakkan prestasi akademik murid dan memastikan keberkesanan pengajaran. Pencapaian murid dipengaruhi oleh kepimpinan instruksional pemimpin sekolah yang mana konsepnya berkaitan dengan cara kepimpinan serta tindakan seorang pemimpin ([Aidawati, 2021](#)).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan bermacam-macam cara bagi mengukuhkan amalan kepimpinan pemimpin sekolah. Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) yang dikeluarkan Institut Aminuddin Baki (IAB) menjadi salah satu syarat dalam melantik pemimpin sekolah di Malaysia bermula pada tahun 2014, berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ([Ismail & Yusof, 2023](#)). Pelaksanaan NPQEL sebagai salah satu syarat pelantikan pemimpin sekolah adalah satu langkah penting untuk memastikan bahawa individu yang memegang jawatan kepimpinan dalam sekolah mempunyai kelayakan dan kompeten dalam menjalankan tugas. Ini adalah penting kerana pemimpin sekolah berperanan besar bagi menentukan tahap kejayaan sekolah dan pencapaian akademik murid. Dengan mengikuti program NPQEL, pemimpin sekolah akan lebih bersedia bagi mengharungi cabaran berkaitan pengurusan sekolah dan berupaya memastikan setiap murid menerima pendidikan yang baik.

Walaupun kepimpinan instruksional diiktiraf sebagai pendekatan penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan, terdapat isu yang timbul berkaitan variasi dalam pelaksanaannya dalam kalangan pemimpin sekolah. Tidak semua pemimpin sekolah melaksanakan semua dimensi kepimpinan instruksional dengan baik, yang menimbulkan persoalan tentang keseragaman dan keberkesanan pendekatan ini ([Lang & Noor, 2024](#)). Sebahagian pemimpin sekolah iaitu guru besar sekolah rendah kurang berupaya melaksanakan amalan kepimpinan instruksional berdasarkan semua dimensi kepimpinan instruksional ([Md. Yusof & Abdul Wahab, 2019](#)).

Kajian terdahulu juga membentangkan beberapa strategi kepimpinan dalam menangani cabaran. Perbincangan lanjut tentang kedua-dua aspek ini adalah dalam sub topik seterusnya. Diharapkan kertas konsep ini dapat memberikan input yang lebih jelas untuk pemimpin bersedia dengan cabaran dalam mengamalkan kepimpinan instruksional dan dalam melaksanakan strategi bagi menanganinya.

1.1. Objektif Kajian

- i. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pemimpin sekolah untuk meningkatkan pencapaian akademik murid di sekolah.
- ii. Mencadangkan strategi yang berkesan kepada pemimpin sekolah bagi menangani cabaran dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik murid di sekolah.

2. Sorotan Literatur

Pemimpin sekolah yang mengamalkan kepimpinan instruksional secara langsung memberi pengaruh yang ketara dalam pencapaian murid dan prestasi sekolah. Melalui pemantauan berterusan terhadap amalan guru, sokongan terhadap pengembangan profesional, dan penglibatan dalam membentuk budaya sekolah yang positif, pemimpin sekolah dapat memacu peningkatan akademik murid. Kajian yang dijalankan oleh [Uddin \(2020\)](#) yang menggunakan pendekatan kajian literatur separa sistematik menyatakan

bahawa pencapaian murid dan prestasi sekolah boleh ditingkatkan secara langsung melalui kepimpinan instruksional pemimpin sekolah.

Menurut [Othman dan Busari \(2019\)](#), melalui analisis literatur yang bertajuk “Analisis Literatur Kajian Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Guru Besar (PGB) Serta Hubungannya Dengan Komitmen Guru” menyatakan pemimpin sekolah yang tidak mengamalkan kepimpinan instruksional cenderung menghadapi cabaran dalam meningkatkan pencapaian murid berbanding mereka yang mengamalkannya. Hal ini disebabkan kepimpinan instruksional secara langsung memberi tumpuan kepada elemen kritikal dalam pendidikan. Pemimpin yang tidak mengaplikasikan pendekatan ini mungkin kurang berkesan dalam menggalakkan budaya pembelajaran yang proaktif dalam kalangan guru dan murid, yang akhirnya mempengaruhi hasil pencapaian murid. Kajian bertajuk “Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru dengan Kualiti Kerja Guru” yang dijalankan oleh [Husain dan Abdullah \(2023\)](#) ke atas 248 orang responden di daerah Beluran menunjukkan pemimpin sekolah yang tidak menggunakan pendekatan kepimpinan instruksional menunjukkan pencapaian murid yang lebih rendah berbanding pemimpin sekolah yang menggunakan pendekatan kepimpinan instruksional.

[Arfan dan Kiflee \(2018\)](#) dalam kertas konsep mereka yang bertajuk “Kepimpinan Pengajaran, Sekolah Berkesan dan Peradaban Organisasi di Pedalaman Sarawak” menyatakan kepimpinan instruksional merupakan salah satu komponen penting untuk menjamin kecemerlangan sekolah, terutama dalam aspek pencapaian akademik. Pendekatan ini menekankan peranan pemimpin sekolah sebagai penggerak utama dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, selain memupuk budaya kecemerlangan dalam kalangan guru serta murid. Ini selari dengan kajian bentuk kualitatif yang dijalankan oleh [Mat Rahimi \(2020\)](#) yang menyatakan kecemerlangan sekolah terutama dalam bidang akademik sangat sinonim dengan amalan kepimpinan instruksional yang diamalkan pemimpin sekolah.

Gaya kepimpinan yang mantap dan berpengaruh dapat membawa kepada perubahan dan pembaharuan yang diperlukan untuk meningkatkan pencapaian akademik secara berterusan ([Arfan & Kiflee, 2018](#)). Dengan arahan dan dorongan yang diberikan oleh pemimpin sekolah, sekolah dapat melaksanakan inisiatif-inisiatif yang relevan untuk memperbaiki proses pembelajaran, meningkatkan kualiti pengajaran, serta memberikan sokongan yang lebih baik kepada murid. Pemimpin sekolah adalah seseorang yang memainkan tanggung jawab utama di sekolah kerana amalan kepimpinan memberi kesan kepada perubahan dan pembaharuan di institusi pendidikan dalam usaha meningkatkan prestasi akademik di sekolah secara jangka masa panjang ([Fullan, 2015](#)). Ini dapat mencipta persekitaran sekolah yang positif di mana pencapaian akademik murid boleh ditingkatkan secara berterusan melalui inovasi, pemantauan, dan penambahbaikan yang berterusan dalam sistem pendidikan di sekolah tersebut.

Pemimpin yang mempunyai kemahiran membimbing memainkan peranan yang penting dalam peningkatan akademik sekolah. Melalui bimbingan dan dorongan daripada pemimpin tersebut, guru-guru di sekolah dapat mengembangkan keupayaan kepimpinan mereka dalam menyokong inisiatif-inisiatif yang bertujuan meningkatkan pencapaian akademik. Ini termasuk memimpin program pembangunan profesional, mengimplementasikan strategi pengajaran yang inovatif, dan memperbaiki proses pembelajaran di sekolah. Kajian menunjukkan pemimpin yang mempunyai kebolehan membimbing berupaya membantu orang lain bagi menjadi pemimpin yang

berkesan (Huggins et al., 2021). Ini tidak hanya membawa manfaat kepada perkembangan individu, tetapi juga kepada keseluruhan keberkesanan organisasi dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik sekolah.

Pemimpin sekolah memainkan peranan penting dan mempunyai tanggungjawab dalam pengurusan prasarana bagi menentukan keperluan yang dikehendaki bagi meningkatkan pembelajaran murid yang berkesan. Pemimpin sekolah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa prasarana sekolah diselenggara dengan baik untuk menyokong keperluan pembelajaran murid. Dengan prasarana yang baik, seperti kemudahan pembelajaran yang terkini dan perpustakaan yang lengkap, sekolah mempunyai kepupayaan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa. Ini membantu memperkukuhkan pembelajaran murid secara tidak langsung. Penyumbang kepada pembelajaran dan aktiviti ko-kurikulum yang baik ialah melalui pengurusan prasarana yang baik (Rashed et al., 2021). Contohnya, kemudahan makmal sains yang lengkap boleh meningkatkan minat murid bagi subjek Sains. Dengan mengetahui keperluan sekolah, pemimpin sekolah boleh membuat keputusan yang bijak dalam menguruskan sumber untuk memperbaharui atau menambah baik prasarana yang sedia ada.

2.2. Teori dan Konsep

Rajah 1 menunjukkan model kempimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1985). Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985) merangkumi tiga dimensi utama iaitu mendefinisikan misi sekolah, mengurus program instruksional, dan membentik iklim sekolah yang positif. Dimensi pertama menumpukan kepada merangka matlamat sekolah yang jelas serta menjelaskan matkamat sekolah.

Rajah 1: Model Kepimpinan Instruksional



Sumber: Hallinger dan Murphy (1985)

Dimensi kedua melibatkan pemantauan kemajuan murid, menyelaras kurikulum, serta menyelia dan menilai pengajaran untuk memastikan keberkesanan program akademik. Dimensi ketiga pula bertumpu kepada melindungi masa pengajara, mempromosi

pembangunan profesional, mengekalkan visibiliti yang tinggi, memberi insentif untuk belajar, dan memberi insentif kepada guru. Model ini menyediakan rangka kerja yang sistematik bagi pemimpin sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan kepimpinan yang fokus dan menyeluruh.

Mengikut Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), yang mana model tersebut menyediakan pemimpin sekolah dengan rangka kerja kepimpinan instruksional, ia dipercayai memberi kesan kepada organisasi pembelajaran dan institusi pendidikan. Dengan mengambil kira dimensi-dimensi yang terdapat dalam model ini, model ini memberi panduan kepada pemimpin sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab kepimpinan instruksional. Sejak sekian lama, model kepimpinan ini telah digunakan secara meluas dalam kajian mengenai kepimpinan pendidikan lama, [\(Abdullah et al., 2022\)](#). Pemimpin sekolah dijangka dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran, meningkatkan kemajuan murid, dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik di sekolah dengan pengintegrasian elemen-elemen ini ke dalam amalan kepimpinan mereka.

[Hallinger dan Murphy \(1985\)](#) menyatakan pemimpin sekolah berupaya mempengaruhi sikap murid serta guru dengan memberi imbuhan untuk menaikkan motivasi guru serta murid dalam usaha bagi melonjakkan prestasi mereka. Perkara ini dapat dilakukan dengan memberi penerangan yang jelas mengenai tentang harapan sekolah. Sebagai pemimpin yang mengamalkan kepimpinan instruksional, pemimpin sekolah bertanggungjawab untuk merancang, melaksanakan, dan menilai program akademik serta kurikulum bagi memastikan guru dan murid mencapai standard pendidikan yang tinggi. Pemimpin sekolah mempunyai peranan utama bagi memotivasi guru dan murid. Motivasi guru dan murid yang ditingkatkan melalui kepimpinan instruksional yang berkesan oleh pemimpin sekolah bukanlah semata-mata meningkatkan kualiti pengajaran serta pembelajaran, malah turut memainkan peranan dalam peningkatan prestasi akademik yang serta kejayaan keseluruhan sekolah. Kajian lepas menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif bagi amalan kepimpinan instruksional yang diaplikasikan oleh pemimpin sekolah serta motivasi dalam kalangan guru-guru [\(Mahdi & Abdul Wahab, 2022\)](#).

3.2. Metod Kajian

Kertas konsep ini ditulis berdasarkan kaedah analisis serta sintesis literatur yang diperoleh daripada data sekunder seperti buku, jurnal, artikel ilmiah, kajian terdahulu, serta pelbagai bahan bertulis lain.

4. Hasil Kajian

4.1. Cabaran Pemimpin Sekolah

4.1.1. Cabaran Berkaitan Guru

Interaksi yang baik antara guru serta murid merupakan elemen utama dalam memastikan keberkesanan proses pendidikan. Ia boleh membentuk suasana pembelajaran kondusif dan menyokong perkembangan akademik serta emosi murid. Isu timbul apabila interaksi antara guru dan murid tidak mencukupi atau kurang berkesan yang boleh membawa kepada penurunan tahap komitmen dan motivasi murid terhadap tugas akademik mereka. Sokongan dari guru bukan sahaja melibatkan bantuan dalam

menyelesaikan tugas akademik, tetapi juga merangkumi aspek emosional di mana murid merasa didengari dan dihargai. Tanpa sokongan ini, murid mungkin merasa keseorangan dalam mengatasi cabaran akademik mereka, yang boleh menyebabkan penurunan motivasi dan komitmen terhadap pembelajaran. Tahap komitmen dan motivasi murid terhadap tugas akademik mereka dapat ditingkatkan melalui interaksi positif antara murid dan guru ([Lastri, 2020](#)). Guru yang berinteraksi dengan murid secara positif dapat memotivasikan murid, contohnya melalui dorongan dan pujian. Hal ini selaras dengan dimensi pertama dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#) iaitu mendefinisikan misi sekolah. Pemimpin sekolah perlu memastikan bahawa interaksi yang positif dan sokongan kepada murid adalah selaras dengan misi dan visi sekolah. Pemimpin yang jelas dalam menetapkan matlamat dan visi yang inklusif akan memastikan bahawa semua aspek, termasuk hubungan antara guru dan murid, diberi perhatian dalam pencapaian objektif sekolah.

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh guru ialah bebanan kerja dan tugas perkeranian yang banyak yang boleh menyebabkan tekanan perasaan terhadap guru-guru. Ini boleh memberi implikasi yang signifikan terhadap pencapaian akademik murid. Guru berdepan dengan tekanan perasaan, banyak bebanan kerja, serta tugas perkeranian ([Ek Klai & Kamarul Bahrin, 2020](#)). Apabila guru merasakan tekanan akibat beban kerja yang terlalu banyak, mereka boleh mengalami keletihan yang melampau dan kurang memberi fokus kepada penyediaan pengajaran yang berkualiti. Ini boleh mengakibatkan kurangnya kesediaan guru-guru bagi menyokong serta memberi bimbingan sewajarnya terhadap murid, yang pada dasarnya dapat mempengaruhi prestasi akademik mereka. Selain itu, jika guru terlalu sibuk dengan tugas perkeranian dan tekanan perasaan, mereka mungkin kurang berkesempatan untuk menyediakan pengajaran yang terarah dan memberi perhatian kepada keperluan individu murid. Oleh itu, masalah yang dihadapi oleh guru dapat menghalang mereka daripada memberikan sokongan yang mencukupi kepada murid untuk mencapai pencapaian akademik yang optimum. Cabaran ini boleh dikaitkan dengan dimensi kedua dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), iaitu mengurus program instruksional. Pemimpin sekolah perlu memastikan bahawa guru mempunyai sumber yang mencukupi dan dapat menyeimbangkan beban kerja mereka untuk memberi perhatian yang lebih kepada pengajaran serta interaksi dengan murid. Justeru, kepimpinan sekolah yang berkesan diperlukan untuk menangani cabaran ini secara sistematik agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas.

4.1.2. Cabaran Berkaitan Murid

Interaksi yang positif antara murid dengan rakan sebaya dapat meningkatkan motivasi dan komitmen terhadap pembelajaran, di mana murid lebih terdorong untuk berusaha apabila mereka mendapat sokongan dan galakan daripada rakan sebaya mereka. Namun, masalah muncul apabila penglibatan rakan sebaya ini tidak mencukupi atau tidak berkesan. Terdapat murid yang mungkin berasa terasing atau tidak mendapat sokongan daripada rakan-rakan mereka, yang boleh menyebabkan mereka hilang minat dalam pelajaran dan kurang bersemangat untuk mencapai kecemerlangan akademik. Tambahan pula, jika terdapat pengaruh negatif dalam kalangan rakan sebaya seperti budaya ponteng sekolah atau sikap tidak serius terhadap pembelajaran, murid yang terpengaruh dengan rakan sebaya yang negatif ini mungkin menunjukkan prestasi akademik yang rendah. Salah satu faktor yang mempengaruhi penglibatan murid di bilik darjah dan keputusan akademik murid adalah penglibatan rakan sebaya ([Ayub et al., 2018](#)). Ini menunjukkan bahawa penglibatan rakan sebaya perlu diurus dengan baik

oleh pihak sekolah untuk memastikan ia mempunyai kesan baik kepada prestasi akademik murid. Cabaran ini boleh dikaitkan dengan dimensi membentuk iklim sekolah yang positif dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#).

4.1.3. Cabaran Berkaitan ibu bapa

Masalah kurangnya perhatian terhadap pembelajaran murid akibat kesibukan harian ibu bapa dalam pekerjaan mereka merupakan salah satu cabaran penting dalam bidang pendidikan. Keadaan ini membawa kepada beberapa akibat negatif, termasuk kurangnya kesedaran tentang perkembangan pendidikan anak-anak. Ibu bapa yang amat sibuk kerana tugas harian mereka menyebabkan kurangnya tumpuan terhadap pembelajaran murid ([Ahmad Asmawi & Khairul Farhah, 2020](#)). Keadaan ini menekankan perlunya kerjasama rapat antara sekolah dan keluarga untuk mencari penyelesaian yang efektif demi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas. Pemimpin sekolah boleh mengadakan program kesedaran khusus kepada ibu bapa untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan kepentingan sokongan keluarga dalam pembelajaran para murid.

Interaksi yang baik antara murid serta ibu bapa dapat memberikan sokongan emosional dan motivasi yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi akademik. Dengan komunikasi yang terbuka dan penyertaan yang aktif dari ibu bapa dalam proses pembelajaran, murid cenderung untuk merasa lebih dihargai dan bersemangat untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran mereka. Sebaliknya, masalah tingkah laku yang timbul daripada hubungan keluarga yang tegang atau kurang sokongan boleh mengganggu fokus dan keselamatan emosi murid, yang mungkin mengurangkan pencapaian akademik mereka. Faktor keluarga, iaitu perhubungan ibu bapa dan murid memainkan peranan utama dalam meningkatkan atau mengurangkan masalah tingkah laku ([Huang, 2022](#)). Oleh itu, pentingnya faktor keluarga dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid menegaskan keperluan untuk penyertaan aktif serta sokongan berpanjangan daripada ibu bapa untuk peningkatan pendidikan anak-anak mereka. Cabaran berkaitan faktor keluarga ini berkait dengan dimensi ketiga dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), yang menekankan pentingnya pemimpin sekolah bagi membentuk iklim sekolah yang positif.

4.1.4. Cabaran Berkaitan Infrastruktur

Kemudahan asas di sekolah memainkan peranan utama dalam mencipta suasana pembelajaran yang efektif dan menyokong. Dengan memastikan kemudahan asas yang berkualiti, sekolah dapat memberi peluang yang lebih baik bagi murid untuk mencapai potensi akademik secara optimum. Infrastruktur yang baik memastikan bahawa persekitaran pembelajaran di sekolah adalah kondusif untuk pembangunan akademik murid. Bilik darjah yang selesa, contohnya, membolehkan murid belajar dengan lebih efektif. Kajian lepas yang telah dijalankan mendapati bahawa pencapaian prestasi murid di kawasan luar bandar dengan kemudahan asas yang baik adalah lebih baik daripada sekolah di bandar yang mempunyai kemudahan asas yang kurang memuaskan ([Figueroa et al., 2016](#)). Dapat dilihat bahawa kemudahan asas di sekolah memainkan peranan penting dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang efektif dan menyokong. Cabaran berkaitan infrastruktur ini berkait dengan dimensi kedua dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), iaitu mengurus instruksional, yang merangkumi penyediaan sumber serta persekitaran pembelajaran yang menyokong dan kondusif.

4.2. Strategi Pemimpin Sekolah Dalam Menangani Cabaran

5.2.1. Strategi Pemimpin Sekolah Dalam Menangani Cabaran Berkaitan Guru

Dalam dunia pendidikan, pemimpin sekolah bertanggungjawab untuk memastikan interaksi antara guru dan murid adalah mencukupi dan berkesan, yang seterusnya dapat meningkatkan tahap komitmen dan motivasi murid terhadap tugas akademik mereka. Apabila interaksi ini tidak mencukupi atau kurang berkesan, murid mungkin menghadapi masalah dalam mengekalkan minat dan komitmen mereka terhadap pembelajaran. Oleh itu, pemimpin sekolah perlu mengambil tindakan yang bijak untuk menyelesaikan masalah ini dan memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Pemimpin sekolah perlu memastikan guru-guru mendapat latihan dan pembangunan profesional yang berterusan dalam teknik pengajaran yang berkesan serta kemahiran komunikasi. Latihan ini merangkumi aspek-aspek penting seperti membina hubungan yang positif dengan murid, memberi sokongan yang mencukupi, dan memberikan dorongan yang berkesan. Melalui latihan ini, guru-guru dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk berinteraksi dengan murid secara positif, yang seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan komitmen murid terhadap pembelajaran mereka. Guru yang bermotivasi tinggi akan sangat bersemangat serta komited untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin (Ruslan, 2020).

Peranan pemimpin sekolah adalah amat penting dalam mengatasi cabaran berkaitan guru agar tidak memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik murid. Misalnya, pemimpin sekolah perlu memastikan bahawa bebanan kerja guru diselaraskan dan diberi sokongan yang mencukupi agar mereka dapat memberikan pengajaran yang berkualiti. Selain itu, pemimpin sekolah juga perlu menyediakan ruang dan sumber yang mencukupi untuk guru menangani tugas perkeranian dan tekanan perasaan, serta memberi sokongan emosi dan mental kepada mereka. Jika pemimpin sekolah tidak menguruskan cabaran ini dengan efektif, ia boleh menyebabkan keletihan dan kurangnya fokus guru, yang pada gilirannya boleh mempengaruhi prestasi akademik murid di sekolah. Oleh itu dapat dilihat di sini bahawa adalah penting bagi pemimpin sekolah menjalankan peranan beliau dalam mengatasi cabaran ini demi meningkatkan pencapaian akademik murid.

4.2.2. Strategi Pemimpin Sekolah Dalam Menangani Cabaran Berkaitan Murid

Dalam menghadapi isu dan cabaran ini, pemimpin sekolah memainkan peranan kritikal untuk memastikan suasana sekolah yang selesa untuk pembelajaran, dengan menyediakan kemudahan yang mencukupi dan bilik darjah yang selesa. Budaya sekolah yang inklusif juga harus diterapkan untuk memastikan semua murid merasa diterima dan disokong. Pemimpin sekolah boleh menggalakkan guru untuk menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan projek atau kolaboratif, yang memupuk kerjasama dan interaksi positif antara murid. Aktiviti seperti pertandingan akademik dapat menguatkan hubungan antara murid dan meningkatkan semangat belajar mereka. Dalam menghadapi isu dan cabaran ini, pemimpin sekolah memainkan peranan kritikal dalam memastikan suasana sekolah yang kondusif untuk pembelajaran. Kejayaan strategi yang dirancang di peringkat sekolah bergantung kepada peranan dan kebijaksanaan pemimpin sekolah (Harris & Jones, 2022). Peranan dan kebijaksanaan pemimpin sekolah dalam memimpin sekolah adalah kunci kepada kejayaan dalam mengatasi cabaran penglibatan rakan sebaya yang mempengaruhi kecemerlangan akademik murid. Dengan strategi-strategi yang dirancang dan dilaksanakan dengan

bijak, pemimpin sekolah dapat memastikan murid mendapat sokongan yang diperlukan untuk mencapai prestasi akademik yang cemerlang. Mengikut Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), dimensi membentuk iklim sekolah yang positif berkait dengan strategi yang dilaksanakan oleh pemimpin sekolah dalam menyokong persekitaran sekolah yang positif.

4.2.3. Strategi Pemimpin Sekolah Dalam Menangani Cabaran Berkaitan ibu bapa

Komunikasi yang berterusan dan efektif antara sekolah dan ibu bapa merupakan faktor penting, di mana pemimpin sekolah dapat memainkan peranan utama dalam menyediakan platform untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat serta strategi yang berkesan dalam menyokong pembelajaran anak-anak. Tambahan pula, pemimpin sekolah boleh mengatur program sokongan tambahan di sekolah seperti bimbingan akademik atau kelas tambahan bagi membantu murid yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran. Apabila komuniti serta sekolah bekerja bersama-sama, mereka mempunyai keupayaan untuk meningkatkan pengalaman pendidikan, mendorong kejayaan murid, dan mengukuhkan budaya sekolah secara keseluruhan ([Anderson et al., 2021](#)). Dengan mengambil langkah-langkah ini, pemimpin sekolah dapat memberikan impak positif bagi pembelajaran murid serta membina hubungan yang secara jangka panjang antara sekolah serta ibu bapa dalam memastikan kejayaan murid. Strategi ini berkait langsung dengan dimensi ketiga dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), iaitu membentuk iklim sekolah yang positif.

4.2.4. Strategi Pemimpin Sekolah Dalam Menangani Cabaran Berkaitan Infrastruktur

Peranan pemimpin sekolah dalam memastikan kemudahan asas di sekolah dalam keadaan yang terjamin adalah penting dalam menyokong prestasi murid. Pemimpin sekolah bertanggungjawab untuk menguruskan sumber kewangan sekolah dengan cermat, termasuk pemantauan perbelanjaan untuk memastikan bahawa dana disalurkan dengan berkesan ke arah pemeliharaan dan penambahbaikan kemudahan asas. Mereka perlu membuat keputusan yang bijak dalam penggunaan dana sekolah untuk memastikan kemudahan asas seperti bangunan, peralatan, dan perkhidmatan lain terjamin dengan baik. Pemimpin sekolah memainkan peranan penting dalam pemantauan dan penyelenggaraan infrastruktur fizikal sekolah. Peranan guru besar termasuklah memberi perhatian terhadap keselamatan bangunan serta kawasan sekolah ([Easiah & Alias, 2021](#)). Strategi ini berkait dengan dimensi kedua dalam Model Kepimpinan Instruksional [Hallinger dan Murphy \(1985\)](#), iaitu mengurus program instruksional, yang menekankan peranan pemimpin sekolah dalam memastikan sumber serta persekitaran pembelajaran disediakan secara optimum bagi menyokong keberkesanan proses pembelajaran.

5. Kesimpulan

Peranan pemimpin sekolah dalam meningkatkan prestasi akademik sekolah adalah aspek yang sangat penting dalam landskap pendidikan. Melalui kepimpinan instruksional yang mantap, pemimpin sekolah dapat membentuk budaya sekolah yang memihak kepada pembelajaran yang efektif dan berkualiti. Dengan memahami teori-teori kepemimpinan dan mengaplikasikannya dalam konteks pendidikan, pemimpin sekolah dapat menjadi agen perubahan yang berpengaruh dalam meningkatkan pencapaian akademik murid. Dengan memberikan sokongan yang berterusan kepada guru-guru dalam pembangunan profesional mereka dan memberikan peluang latihan

yang sesuai, pemimpin sekolah boleh mengoptimumkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran para guru serta murid. Secara keseluruhannya, keberkesanan kepimpinan instruksional bergantung kepada kebolehan pemimpin sekolah untuk merancang, melaksanakan, dan menilai strategi yang menyokong prestasi akademik murid secara berterusan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya ingin menyampaikan penghargaan yang tulus kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Bity Salwana binti Alias, atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang berterusan sepanjang penulisan kertas konsep ini. Terima kasih juga kepada keluarga tersayang atas doa dan dorongan tanpa henti, serta kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan bantuan.

Kewangan (*Funding*)

Penulisan kertas konsep ini telah disiapkan tanpa menerima sebarang bantuan kewangan atau dana daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penyelidikan, penulisan mahupun penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, N. S., Hamzah, M. I., & Nor, M. Y. M. (2022). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan motivasi guru sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 1–12.
- Ahmad Asmawi Mat Salim & Khairul Farhah Khairuddin. (2020). Penglibatan ibu bapa dalam Pendidikan murid berkeperluan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 265–282.
- Aidawati Abd Rahman. (2021). Amalan kepimpinan instruksional dalam menjana pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (ptpk) di kalangan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 148–158.
- Anderson, L., Brown, K., & Williams, M. (2021). Kesan Penglibatan Komuniti Terhadap Budaya Sekolah. *Jurnal Hubungan Sekolah-Komuniti*, 36(2), 75–90
- Arfan, N. F., & Kiflee, D. N. A. (2018). Kepimpinan pengajaran, sekolah berkesan dan peradaban organisasi di pedalaman Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 127–136.
- Awangku Amin, D. R., & Mohd Hamzah, M. I. (2021). Tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tahap komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 135–151.

- Ayub, A. F. M., Yunus, A. S. M., & Mahmud, R. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan sokongan keluarga terhadap keterlibatan Matematik dalam kalangan murid Sekolah Menengah: The influence of Teachers support, Students' Cohesiveness and parental involvement toward Mathematics engagement among Secondary School students. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 1–12.
- Easiah, M., & Alias, B. S. (2021). Tahap kepimpinan guru besar dan tahap keberkesanan sekolah daripada perspektif guru besar dan guru sekolah di Wilayah Persekutuan. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 71–92.
- Ek Klai, M., & Kamarul Bahrin, F. (2020). Kesedaran tentang masalah kemurungan dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 273–284.
- Figueroa, L. L., Lim, S., & Lee, J. (2016). Investigating the relationship between school facilities and academic achievements through geographically weighted regression. *Annals of GIS*, 22(4), 273–285.
- Fullan, M. (2015). Leadership from the Middle. *Education Canada*, 55(4), 22–26.
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the instructional management behavior of principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217–247.
- Harris, A., & Jones, M. (2022). Leading underperforming schools. *School Leadership & Management*, 42(1), 1–3.
- Huang, L. (2022). Exploring the relationship between school bullying and academic performance: The mediating role of students' sense of belonging at school. *Educational Studies*, 48(2), 216–232.
- Huggins, K. S., Klar, H. W., & Andreoli, P. M. (2021). Facilitating leadership coach capacity for school leadership development: The intersection of structured community and experiential learning. *Educational Administration Quarterly*, 57, 82 – 112.
- Husain, S., & Abdullah, M. K. (2023). Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru dengan Kualiti Kerja Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4).
- Ismail, N. H., & Yusof, N. M. (2023). A Survey on the Impact of Digital Transformation on NPQEL Training in Institute of Aminuddin Baki: A Boon or Bane Training Structure of NPQEL 2021 - A New Landscape. In Z. Khlaif, M. Sanmugam, & J. Itmazi (Eds.), *Comparative Research on Diversity in Virtual Learning: Eastern vs. Western Perspectives* (pp. 263–278). IGI Global.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lang, A., & Noor, M. Y. M. (2024). Gaya Kepimpinan Demokratik Pentadbir Sekolah dan Hubungannya dengan Kerja Berintegriti dalam kalangan Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(2), e002686–e002686.
- Lastri, S. K. (2020). Factors that influence student learning achievement. *Journal of Educational Sciences*, 679 -693.
- Latif, Z., & Habib, Z. (2021). Relationship between instructional leadership practices and organizational commitment of teachers at secondary school level in Lahore Districts. *Journal of Educational Research & Social Science Review (JERSSR)*, 1(4), 12–19.
- Mahdi, S. N., & Abdul Wahab, J. L. (2022). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan motivasi guru di sekolah transformasi. [Principals' instructional leadership practices and their relationship with teacher motivation in transformational schools]. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 6(1), 27–33.
- Mat Rahimi Yusof. (2020). Exploring school leaders' virtual instructional leadership. *International Journal of Modern Education*, 2(4), 43–55.

- Md. Yusof, R., & Abdul Wahab, J. L. (2019). Kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah berprestasi tinggi (SBT) di daerah Seremban. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 107-121.
- Muniandy, S., & Nor, M. Y. M. (2024). Amalan Kepimpinan Transformasional Guru Besar dan Hubungannya Dengan Motivasi Guru di Sekolah Kebangsaan Daerah Bangsar, Kuala Lumpur. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(2), 63–76.
- Othman, C., & Busari, A. H. (2019). Analisis literatur kajian kepemimpinan instruksional pengetua dan guru besar (PGB) serta hubungannya dengan komitmen guru. In *Analisis Literatur Kajian Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Guru Besar (PGB) serta hubungannya dengan Komitmen Guru* (pp. 1–49). Universiti Malaysia Sarawak.
- Rashed, Z. N., Yahaya, M., Ilias, M. F., Sungit, M. F., Rahman, A. H. A., & Radzi, N. M. (2021). Pengurusan infrastruktur sekolah: Kajian kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 75–90.
- Ruslan, M. (2020). Contribution of principal transformational leadership and interpersonal communication through work motivation on teacher performance at all state junior high schools in Banjarmasin Utara Sub-district. *Journal of K6, Education, and Management*, 3(2), 178–186.
- Samsuri, S. S., & Safii, A. (2023). Kajian Amalan Terbaik Kepimpinan Instruksional Pengetua Sebuah Sekolah Program TS25 Kohort 2. *International Journal Of Educational Research On Andragogy And Pedagogy*, 1(1), 62-70.
- Uddin, M. S. (2020). the role of the principal is developing an instructional leadership team in school. *Academic Journal*, 15(11), 662-667.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2019). *The sustainable development goals report 2019*. New York: UNICEF.